



SIARAN MEDIA

MRT CORP MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DATUK MOHD ZARIF HASHIM

Kuala Lumpur, 17 Julai 2020: Ahli Lembaga Pengarah Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah melantik Datuk Mohd Zarif Mohd Hashim sebagai Ketua Pegawai Eksekutif syarikat. Pelantikan beliau mula berkuatkuasa pada 15 Julai 2020.

Sebelum menyertai MRT Corp, Zarif telah memegang pelbagai jawatan di Sapura Group of Companies yang beliau sertai pada 2007. Beliau merupakan Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, jawatan yang dipegangnya sejak 2014, di mana dia bersama-sama memimpin dan menguruskan kumpulan tersebut. Pada masa yang sama, beliau memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan untuk Kluster Perniagaan Rel dan Teknologi, dari tahun 2011, di mana beliau telah mengetuai perniagaan rel dan teknologi kumpulan tersebut.

“Kini kami berada di peringkat akhir pembinaan MRT Laluan Putrajaya (sebelum ini dikenali sebagai MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya) dan fokus saya adalah untuk memastikan bahawa laluan akan disiapkan tepat pada masanya dan berada dalam kos,” Zarif, 49, berkata.

Pada waktu yang sama, beliau berkata bahawa tumpuan beliau juga adalah dalam memastikan projek Sistem Transit Rapid Johor Bahru-Singapura dapat dimulakan dengan secepat mungkin. Anak syarikat MRT Corp, Malaysia Rapid Transit System Sdn Bhd merupakan pemaju projek dan pemilik infrastruktur Projek Sistem Transit Rapid.

Zarif memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari J.L. Kellogg Graduate School of Management dari Northwestern University, Amerika Syarikat, dan mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Sains dalam Kejuruteraan Kimia dari University of Pennsylvania.



Zarif mengambil alih jawatan ini dari Encik Abdul Yazid Kassim yang telah mengakhiri perkhidmatannya pada 30 Jun 2020.

-tamat/-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my